

**NO. SOALAN: 234**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**RUJUKAN : 8729**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa masalah kecurian kabel telefon yang berleluasa dan sudah berlanjutan bertahun-tahun di daerah Manjung, Perak tidak dapat diatasi.

## **JAWAPAN**

**Kecurian kabel elektrik, kabel telekom dan alat-alat logam adalah kes yang semakin menjadi-jadi di negara kita sekarang kerana permintaan yang tinggi terhadap logam tersebut. Daripada siasatan pihak polis, kebanyakan kes kecurian berlaku di kawasan yang tidak berpagar dan jauh dari kawasan penempatan awam yang mana menyukarkan pemantauan keselamatan dilakukan.**

**Statistik IPD Manjung berkaitan kes kecurian kabel telefon bagi tahun 2012 sehingga 2015 seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>BUKA KERTAS SIASATAN</b>	7	27	17	22
<b>RUJUK SYARIKAT TELEKOMUNIKASI</b>	108	310	189	526
<b>TIADA TINDAKAN LANJUT</b>	34	9	16	19
<b>LAIN-LAIN REPOT</b>	4	51	32	158
<b>LAPORAN DITERIMA</b>	<b>153</b>	<b>397</b>	<b>254</b>	<b>725</b>

**Tindakan yang drastik telah diambil oleh PDRM dengan agensi-agensi yang terlibat (Telekom & Tenaga Nasional) bagi mencegah kegiatan ini daripada berleluasa. Antara tindakan yang telah diambil bagi mencegah kegiatan ini daripada berleluasa seperti berikut:-**

- i) Membuat rondaan di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah kecurian kabel;**
- ii) Membuat pemeriksaan di kedai-kedai barang lusuh bersama agensi-agensi yang terlibat; dan**
- iii) Menjalinkan hubungan baik dan berkongsi maklumat dengan Syarikat Telekom dan Tenaga Nasional dalam pencegahan kecurian kabel.**

**Masalah utama bagi kes seumpama ini adalah dari segi pendakwaan kepada kesalahan ini kerana barang yang dirampas telah berubah bentuk dan sukar dicam. Di samping itu, barang tersebut tidak mempunyai pengenalan khusus seperti nombor siri dan sebagainya, kecuali kes tangkapan tersebut dibuat secara *right handed*.**